



BULETIN UMCares

BIL 1/2019

KANDUNGAN



Perutusan Pengarah

1-2



Pertandingan UMCares Sesi 2018/2019

3-4



Program Edu-tourism

5-6



Majlis Penyerahan Cek Sumbangan
UMW Toyota Motor Sdn Bhd

7-8



Bridge to the World Program

9-10



Publisiti

11-22



Lawatan

23-24



Perkongsian Ilmu

25-26



Lensa

27-28

SIDANG PENGARANG



Penasihat

Prof. Madya Dr. Amer Siddiq Amer Nordin



Editor

Nor Azlin Mat Radi



Penolong Editor 1

Muhammad Asyraf Mansor @ Noordin



Penolong Editor 2

Muhamad Khairul Anuar Senin



Pereka Grafik

Muhammad Asqalani Hamizi



Jurufoto

Siti Khatijah Hamat



Pengumpul Data

Nor Izuana Alias

UMCares mengalu-alukan sebarang bentuk sumbangan artikel dan rencana daripada warga UM.
Sidang pengarang berhak menyunting setiap artikel sebelum diterbitkan.



PERUTUSAN PENGARAH

Assalamualaikum & Salam sejahtera,

Warga kampus UM dan para pembaca yang dihormati.

Saya amat berbesar hati dapat menerajui unit sehati bagi jaringan komuniti Universiti Malaya (UM) iaitu Pusat Komuniti dan Kelestarian UM atau UMCares. Aktiviti jalinan masyarakat sememangnya dekat di hati saya dan saya amat berterima kasih diberi peluang untuk melaksanakan tanggungjawab ini. Saya juga merakamkan setinggi penghargaan kepada pimpinan terdahulu iaitu Prof. Dr. Norzulaani Khalid di atas segala inisiatif dan usaha beliau semasa di UMCares.

Pada tahun ini, UMCares akan melaksanakan satu program baru iaitu UM-Nadi Lembah Pantai. Program ini diperkenalkan dengan tujuan untuk menyalurkan ilmu pengetahuan, teknologi, dan perkhidmatan oleh penyelidik UM kepada komuniti berhampiran iaitu di kawasan Lembah Pantai. Inisiatif ini mendapat maklumbalas positif dari Ahli Parlimen Lembah Pantai iaitu YB Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil. Beberapa perbincangan telah dilakukan dengan pihak berkaitan bagi mendapatkan input untuk melaksanakan program ini. Bagi menjayakan inisiatif ini, UMCares telahpun membuat panggilan bagi program Kajian Tindakan Lembah Pantai. Saya menyeru penglibatan semua warga kampus UM dari semua peringkat untuk terlibat dalam program ini. Ini merupakan peluang kepada UM untuk membantu komuniti terdekat agar dengan harapan, komuniti terdekat dengan kita dibantu terlebih dahulu dan seterusnya diaplikasikan kepada komuniti lain.

Skuad UMCares merupakan penggerak kepada aktiviti kemasyarakatan di kolej-kolej kediaman. Saya amat kagum dengan usaha pelajar-pelajar ini. Sebagai tanda sokongan kepada mereka, pada tahun ini Skuad UMCares akan diaktifkan semula di bawah seliaan UMCares. Pada pelajar akan diberi peluang untuk terlibat secara aktif di dalam aktiviti kemasyarakatan yang dijalankan oleh penyelidik geran komuniti UMCares, program anjuran UMCares dan aktiviti kesukarelawan lain. Aktiviti kemasyarakatan dan kesukarelawan dapat membentuk sahsiah diri pelajar di samping mempersiapkan mereka sebelum melangkah ke alam pekerjaan.

Pelbagai aktiviti jalinan masyarakat dilaksanakan oleh warga kampus, sama ada berbentuk singkat (one-off) atau untuk jangka masa tertentu. Saya berharap usaha murni ini diteruskan lagi. Sebagai unit yang bertanggungjawab, apa yang kami harapkan agar sebarang maklumat berkenaan aktiviti atau inisiatif yang dilakukan disalurkan kepada kami untuk direkodkan. Keterlihatan (visibility) UM dalam aktiviti kemasyarakatan perlu ditingkatkan bagi membuktikan UM bukan sahaja di kedudukan nombor ke-70 terbaik di dunia, bahkan mampu memanfaatkan ilmu, teknologi, kepakaran dan perkhidmatan kepada masyarakat setempat dan Malaysia, keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.



Pertandingan UMCares Sesi 2018/2019

1

Tahun 2019 merupakan sedekad penganjuran Pertandingan UMCares di UM oleh UMCares. Selaras dengan kematangan program berbentuk pertandingan ini, UMCares telah berkolaborasi dengan Sekretariat Alam Sekitar UM atau Eko-kampus UM bagi pertandingan untuk sesi kali ini. Tema yang dipilih adalah “Towards Low Carbon Campus”, di mana kriteria pelaksanaan dan pemarkahan dapat menyumbang untuk audit alam sekitar iaitu UI Green Metric.

Sebanyak lapan (8) Kolej Kediaman melibatkan seramai lebih 50 orang pelajar UM telah menyertai Pertandingan UMCares pada sesi kali ini. Majlis penutup dan penyampaian hadiah dilakukan pada 2 Mei 2019 yang bertempat di Kompleks Pemantauan Penyelidikan & Inovasi (KPPI). Majlis penutup dan penyampaian hadiah disempurnakan oleh Prof. Madya Dr. Amer Siddiq Amer Nordin selaku Pengarah UMCares. Melihat kepada sambutan para pelajar terhadap pertandingan ini, Pengarah UMCares telah bersetuju untuk mengaktifkan semula skuad UMCares (UMCares Squad) yang merupakan skuad alam sekitar dan komuniti di setiap kolej kediaman.

Pemenang Pertandingan UMCares 2019 bergambar bersama Pengarah UMCares dan Pegawai bertanggungjawab.



SENARAI PEMENANG PERTANDINGAN UMCARES 2019

JOHAN

Kolej Kediaman Kelima (KK5)

Membawa pulang wang hadiah RM 2,000 trofi dan sijil

NAIB JOHAN

Kolej Kediaman Keenam (KK6)

Membawa pulang wang hadiah RM 1,000 trofi dan sijil

TEMPAT KETIGA

Kolej Kediaman Kelapan (KK8)

Membawa pulang wang hadiah RM 700 trofi dan sijil



PROGRAM EDU-TOURISM

Program bersama Golden Moments Kids

2

UM Tropical Camp ialah satu pakej kem pendidikan yang berkonsepkan “edu-tourism” yang menggunakan alam semulajadi sebagai bilik darjah. Program ini dianjurkan oleh UMCares dengan kerjasama Fakulti Sains amnya dan Institut Sains Biologi khususnya. Pada 19 Mac 2019, program ini telah menerima kunjungan seramai 50 orang pelajar prasekolah dan 8 orang guru daripada Golden Moments Kids. Program yang bertemakan “Children Creative Expansion: The Tradition of the Malaysian Society” dilaksanakan dengan kerjasama pihak Pendidikan Awal Kamak-Kanak (PAKK) di bawah seliaan Dr. Mohd. Nazri Abdul Rahman. Di dalam program ini, pelajar-pelajar cilik ini menjalankan aktiviti untuk mengekspresikan diri secara kreatif, melatih psikomotor peserta untuk menghasilkan permainan menggunakan sumber alam (aktiviti menganyam) dan mengenali alam semula jadi dengan lebih dekat lagi.



Peserta cilik dari Prasekolah Golden Moments Kids belajar sambil berhibur dengan aktiviti yang dilaksanakan.

Perkemahan Fasilitator UM Tropical Camp Sesi 2019

3

Program Pelatihan Fasilitator UM Tropical Camp merupakan perkhemahan anjuran UMCares dengan tujuan melatih fasilitator ambilan sesi 2019. Seramai lebih kurang 25 orang fasilitator baru telah menghadiri program yang diadakan selama dua (2) hari ini. Objektif program ini adalah untuk melatih fasilitator baru dengan modul biodiversiti, sukan dan budaya di samping mengeratkan fasilitator lama dan baru dalam modul pembinaan kumpulan. Program dijalankan di beberapa lokasi kampus UM seperti Rimba Ilmu dan Bangunan Peperiksaan serta melibatkan aktiviti seperti perkhemahan, pengenalan botani, team-building dan banyak lagi.



Antara aktiviti yang dijalankan bersama fasilitator UM Tropical Camp.


6

Majlis Penyerahan Cek Sumbangan UMW Toyota Motor Sdn Bhd

4

Majlis penyerahan cek sebagai dana untuk kajian terhadap tenaga boleh diperbaharui sumbangan UMW Toyota Motor Sdn Bhd kepada Universiti Malaya telah diadakan pada 4 Mac 2019 di Galeri Seni Universiti Malaya. Dana berjumlah RM181, 319.00 disalurkan kepada penyelidik Universiti Malaya (UM) untuk menjalankan projek yang menyumbang kepada manfaat masyarakat khususnya di kawasan pedalaman melalui aplikasi teknologi termal fotovoltai (PV/T). Sumbangan yang disalurkan adalah melalui hasil kutipan jualan tiket dan derma bagi konsert muzik klasikal Toyota Classics yang telah diadakan pada 13 November 2018. Penyerahan cek disempurnakan oleh En. Akio Takeyama (Timbalan Pengerusi, UMW Toyota) dan En. Ravindran Kurusamy (Presiden, UMW Toyota) kepada Profesor Dr. Noorsaadah Abdul Rahman (Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Malaya).

Penyelidik UM yang diketuai oleh Profesor Madya Dr. Jeyraj Selvaraj selaku Timbalan Pengerah UMPEDAC mensasarkan kajian terhadap penduduk di kawasan pedalaman dan dijangka akan berjalan selama setahun. Penyelidik di UMPEDAC akan memasang sistem solar termal fotovoltai (PV/T) daripada kaca fleksibel dan bahan EVA dengan kecekapan yang lebih baik berbanding sistem PV/T konvensional. Melalui sistem teknologi ini, masyarakat setempat bukan sahaja mendapat akses bekalan tenaga elektrik melalui sistem solar yang dipasang, malah menggunakan air panas tanpa memerlukan kos pemasangan tambahan. Apa yang lebih penting, melalui projek ini, penduduk setempat juga akan dilatih dalam penyelenggaraan sistem yang telah dipasang. Ini membolehkan mereka untuk menyelenggara sistem sendiri tanpa bergantung kepada penyelidik UM.




Gambar berkumpul di antara wakil UMW Toyota Motor bersama Prof. Noorsaadah (TNC, Penyelidikan & Inovasi) bersama PNC (Jaringan Industri & Masyarakat) bersama kumpulan penyelidik UMPEDAC.

Bridge to the World Program

5

UMCares yang merupakan Sekretariat RCE Central Semenanjung telah menyertai program antarabangsa “Bridge to the World” pada 17 hingga 18 Januari 2019 anjuran RCE Tongyeong, Korea. Program ini melibatkan penempatan pelajar antarabangsa (dari Korea) untuk mempelajari dan melihat inisiatif program kitar semula dan guna semula oleh UM. Seramai 4 orang pelajar dari RCE Tongyeong telah dibawa untuk melawat tapak Kempen Sisa Sifar UM (UM Zero Waste Campaign), flat P20 Pantai Dalam (untuk melihat penglibatan komuniti dalam inisiatif ini) dan SMK Sultan Abdul Samad Petaling Jaya (tapak bagi program DIY Made Simple Program- program khas guna semula UMCares peringkat sekolah).





Pelajar dari RCE Tongyeong Korea mempelajari berkenaan aktiviti guna semula (upcycling) yang dilaksanakan oleh UM, di dalam dan luar kampus.





DEMONSTRASI penggunaan biozarah oleh penyelidik UM.



ANAK pokok pisang yang dihasilkan menggunakan teknologi kultur tisu, sedia untuk dipindahkan ke ladang.

“Dengan bimbingan ilmu keusahawanan selanjutnya, para peserta yang berminat juga boleh menjadi usahawan tani, dan mengubah kehidupan mereka kepada yang lebih baik. Ini juga boleh dijadikan jalan bagi membina persepsi positif kepada OKP di mata ahli masyarakat yang lain.”



POKOK cilu yang ditamam menggunakan teknologi fertiganis muda tumbuhan.

Mulakan hidup baharu dengan pertanian bandar

USAHA memberantas dadah oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AAK) bukan sahaja menjadi kepada penguatkuasaan undang-undang di seluruh negara, malah turut melibatkan aktiviti rehabilitasi kepada penagih. Usaha sebegini menjadi pelengkap kepada inisiatif yang dilaksanakan di pusat-pusat rawatan dan pemulihan di seluruh negara. Selangor itu, sekumpulan penyelidik dari Pusat Sains Sains dan Institut Sains Biologi, Fakulti Sains, Universiti Malaysia (UM) telah bekerjasama dengan AAK dalam pengajaran bandar pertanian bandar bersama sekumpulan ahli OKP di Klang. Selangor baru Sains ini.



ROSALIN ABDULLAH

Menurut penyarah Pusat Sains Sains UM, Dr. Mahanaz Jalil, program tersebut bertujuan memberi pendidikan asas mengenai pertanian bandar kepada golongan yang sering



PENANAMAN cilu menggunakan teknik fertiganis juga diperkenalkan kepada petani.

diabaikan dalam masyarakat kerana stigma negatif yang ada pada mereka. Secara tidak langsung mereka boleh menggunakan ilmu ini bagi mengurangkan kos sara

hidup yang semakin meningkat sekarang,” katanya, yang juga Penyelaras program. Dengan tamat program ilmu keusahawanan selanjutnya, para peserta yang berminat juga boleh



POKOK cilu yang ditamam dan sedia untuk dijual.

menjadi usahawan tani dan mengubah kehidupan mereka kepada yang lebih baik. Ini juga boleh dijadikan jalan bagi membina persepsi positif kepada OKP di mata ahli masyarakat yang lain. Peserta yang berusia di antara 18 dan 60 tahun itu telah disediakan dengan kemudahan menanam anak pokok pisang dan cilu menggunakan kaedah fertiganis.

Sementara itu, penyarah Institut Sains Biologi UM, Dr. Rosazlin Abdullah yang turut menjadi tenaga pengajar dalam program itu berkata, kaedah penanaman seperti amat sesuai untuk pertanian bandar

kerana kurang bergantung kepada tanah selain mempunyai peratus tumbesaran yang tinggi kerana bekalan nutrien dan galian yang mencukupi untuk setiap tanaman.

Menariknya, peserta turut diarahkan dengan kaedah penghasilan biozarah daripada bahan-bahan biozarah organik termasuk sisa pertanian. Biozarah boleh diberikan baji bagi membantu tumbesaran tanaman yang ditanam oleh peserta kelak.

Dalam pada itu, Ketua Daerah AAK Klang, Naiman amat tertarik dengan konsep penghasilan biozarah dalam program ini kerana secara tidak langsung memudahkan petani dengan kepertanian penanaman dalam sekitar oleh setiap ahli masyarakat. “Komponen sebagai memberi peluang kepada OKP yang mengambil bahagian untuk terus menerima ilmu walaupun telah menghasilkan tanaman ‘Persekitaran’ selanjutnya.

Program tersebut menerima dana dari penubuhan komuniti dari Pusat Komuniti dan Kelestarian UM (UMCare), dan turut bekerjasama dengan Pusat Penyelidikan Bioteknologi Pertanian (CEIAP) UM.

Anak pokok pisang yang dibekal dihasilkan melalui penyelidikan kultur tisu di CEIAP. Anak pokok pisang tersebut program ini boleh didapati melalui Saadiah Abdul Ghani di pangsapuri um.edu.my atau 03-7965 6981.

Stesen : Utusan Malaysia
Tarikh : 7 Januari 2019
Tajuk : Mulakan hidup baharu dengan pertanian bandar
Penyelidik : Dr. Rosazlin Abdullah

DONNIE ADAMS

Ekoterapi murid berkeperluan khas

EKOTERAPI merupakan teknik rawatan atau pemulihan yang melibatkan persekitaran alam semula jadi. Ia banyak digunakan sebagai kaedah rawatan utama terutama ekoterapi disarankan oleh pengamal pembedahan sebagai kaedah pemulihan yang berkesan.

Pusat Komuniti dan Kelestarian Universiti Malaysia (UM Cares) telah mengorganisasikan satu bengkel ekoterapi yang melibatkan murid-murid berkeperluan khas.

Mereka datang dari Sekolah Kebangsaan (SK) Sultan Izzah (1), SK Taman Medan, SK Damansara Jaya (1) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Chung Hwa, Damansara. Bengkel tersebut yang telah diadakan di Rimba Ilmu, Institut Sains Biologi, Universiti Malaysia, melibatkan 75 murid berkeperluan khas bersama dengan ibu bapa serta 25 guru Pendidikan Khas.

Bengkel One With Nature ini bertujuan memberi pendidikan alam semula jadi kepada guru-guru dan ibu bapa murid-murid berkeperluan khas mengenai pelbagai teknik dan aktiviti ekoterapi. Dan bagaimana mereka boleh mempunyai peranan untuk membantu perkembangan anak-anak mereka dalam aspek emosi, tingkah laku, keyakinan diri, kemahiran psikomotor dan aspek-aspek sosial.

Bengkel-bengkel seperti ini amat penting kerana murid-murid berkeperluan khas kurang mendapat pendidikan alam semula jadi disebabkan ibu bapa kurang mengetahui bagaimana untuk membantu anak-anak mereka.

Terdapat untuk anak-anak dengan keperluan khas ini masalah serta ibu bapa tidak mempunyai kepakatan dan kurang pendidikan dalam teknik-teknik rawatan untuk mengendalikannya.

Terapi semacam ini dengan sendiri di rumah.

anak-anak mereka bersejarah di rumah. Projek ini memberi fokus kepada penyediaan maklumat teknik-teknik dan aktiviti ekoterapi motor kasar dan halus yang berkesan kepada ibu bapa secara praktikal dan teori semasa dipantau oleh Ketua Projek, Dr. Donnie Adams atau Pengerah Kanan di Institut Kejuruteraan Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaysia.

Menerusi Prof. Madya Dr. Azman Che Ahmad, Pengerah Kanan, beliau juga merupakan penyelidik bersama program ini, melalui fokus pengajaran dan pembelajaran yang mempunyai anak berkeperluan khas kurang pendidikan mengenai kemahiran asas dalam teknik rawatan pemulihan yang boleh dilakukan bersama anak-anak mereka di rumah. Bengkel ini diharapkan dapat membolehkan kemahiran tersebut kepada mereka melalui kaedah amali yang praktikal dan sesuai dengan persekitaran alam semula jadi.

Pendidikan ilmu dan hasil pendidikan yang diberikan dalam program ini bertujuan untuk melahirkan kepada mereka teknik-teknik pemulihan yang boleh dilakukan bersama anak-anak mereka di rumah. Program ini boleh dipraktikkan dengan cara yang mudah dan oleh oleh di mana-mana taman rimba atau taman rekreasi.

Kemudian aktiviti yang dilaksanakan dan disediakan dalam bengkel tersebut telah direka khusus untuk membantu membina kemahiran motor kasar dan halus murid-murid berkeperluan khas, semua pergerakan dan aktiviti yang dilaksanakan itu tidak sukar untuk dipelajari dan diamalkan di rumah, malah pun di taman-taman rekreasi sedia ada.

Dr. DONNIE ADAMS ialah Pengerah Kanan, Institut Kejuruteraan Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaysia (UM).

Stesen : Utusan Malaysia
Tarikh : 11 Januari 2019
Tajuk : Ekoterapi murid berkeperluan khas
Penyelidik : Dr. Donnie Adams

Kuala Lumpur: Bagi memberi pendedahan mengenai teknik pemulihan persekitaran alam semula jadi, Pusat Komuniti dan Kelestarian Universiti Malaysia (UMCares) menganjurkan bengkel ekoterapi untuk murid berkeperluan khas dari empat sekolah di Selangor.

Berterpaut di Rimba Ilmu, Institut Sains Biologi (ISB), Universiti Malaysia (UM), program itu membabitkan Sekolah Kebangsaan (SK) Sultan Alam Shah 2, Sekolah Jenis Kebangsaan SJK (C) Chung Hwa Damansara, SJK Taman Medan dan SK Damansara Jaya 1.

Program berkenaan turut mendapat sokongan daripada 73 orang ibu bapa murid-murid berkenaan. Pengerah Kanan Institut Kejuruteraan Pendidikan, Fakulti Pendidikan UM merangkap penyelaras program, Dr Donnie Adams,

berkata bengkel 'One With Nature' itu bertujuan memberi pendedahan kepada ibu bapa yang mempunyai anak berkeperluan khas mengenai ekoterapi.

Bantu perkembangan

Katanya, ibu bapa yang hadir boleh mengetahui bagaimana mereka boleh memainkan peranan untuk membantu perkembangan anak-anak mereka sama ada dalam aspek emosi, tingkah laku, keyakinan, kemahiran psikomotor dan sosial.

"Beberapa aktiviti merangkumi pergerakan fizikal yang khusus telah disediakan termasuklah mengimbangi beg kekacang, bola sepak serta penghasilan seni kolaj menggunakan daun yang gugur di

pekarangan Rimba Ilmu.

"Semua aktiviti ini direka khas untuk membantu membina kemahiran psikomotor murid berkenaan, malah semua pergerakan dan aktiviti ini mudah untuk dipelajari dan diamalkan di rumah atau di taman rekreasi," katanya.

Ekoterapi adalah istilah umum yang meliputi apa juga teknik rawatan atau pemulihan membatalkan persekitaran alam semula jadi.

Rawatan ringan

Walaupun tidak digunakan sebagai kaedah rawatan utama, namun ekoterapi sudah mula disarankan oleh pengamal perubatan sebagai antara kaedah rawatan ringan yang bermanfaat.

Pengerah Kanan Pusat Pengajaran Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Madya Dr Azman Che Ahmad, berkata berdasarkan kajian dan pengamatan, ramai ibu bapa mempunyai anak berkeperluan khas kurang pendedahan mengenai kemahiran asas dalam teknik rawatan pemulihan yang boleh dilakukan bersama anak-anak mereka di rumah.

Beliau berkata, bengkel itu diharapkan dapat memindahkan kemahiran berkenaan kepada mereka melalui kaedah amali yang praktikal dan sesuai diadakan secara berkala dan konsisten.

Pendedahan menarik

Sementara itu, bapa kepada peserta, Adrian Yap, berkata pihaknya amat menghargai usaha yang dilakukan UM dalam mendedahkan diri dengan komuniti murid berkeperluan khas itu.

Katanya, menerusi bengkel berkenaan, ibu bapa mampu membina anak-anak menjalani rawatan pemulihan dalam suasana yang lebih menarik dan berlatar belakangkan alam sekitar.

Pada program itu, sebuah buku susunan Dr Donnie dan Prof Madya Dr Azman terbitan UM yang menerangkan dan menyenaraikan semua aktiviti yang dilaksanakan bertajuk *Ecotherapy for Your Child with Special Needs* turut diberikan kepada ibu bapa yang hadir.



Peserta dari SK Taman Medan ceria bersama-sama sijil selepas tamat program.

> AKTIVITI KAMPUS > Mahasiswa 9 negara bersihkan pantai Pulau Carey

Mahasiswa 9 negara bersihkan pantai Pulau Carey

NAHRIZUL ADIB KADRI, UM 17 January 2019

Stesen
Utusan Malaysia

Tarikh
17 Januari 2019

Tajuk
Mahasiswa 9 negara bersihkan
pantai Pulau Carey



Yayasan Alam Sekitar AEON Jepun, dengan kerjasama Pusat Komuniti dan Kelestarian Universiti Malaya (UMCares), telah menganjurkan program antarabangsa tahunan 'Asian Students

Mahasiswa 9 negara bersihkan pantai Pulau Carey

YAYASAN Alam Sekitar AEON Jepun, dengan kerjasama Pusat Komuniti dan kelestarian Universiti Malaysia (UMCares), telah menganjurkan program antarabangsa tahunan *Asian Students Environmental Platform* (ASEP) disertai 72 mahasiswa dari pelbagai negara Asia termasuk China, Thailand, Jepun, Vietnam, Korea, Kemboja, Indonesia, Myanmar, dan Malaysia.

"Setiap tahun sejak 2012, ASEP diadakan di negara-negara Asia yang tertentu bagi dijadikan platform untuk mahasiswa berinteraksi dan menimba pengalaman dari aspek pengurusan alam sekitar di negara tuan rumah. Kali ini, Malaysia terpilih menjadi tuan rumah, dan para peserta telah dibawa ke pelbagai lokasi menarik yang mempunyai nilai pembelajaran yang unik," kata Dr. Fathiah Mohamed Zuki, penerang kanan Jabatan Kejuruteraan Kimia, Universiti Malaysia (UM) yang juga merupakan penyalas program. Salah satu aktiviti adalah



PARA peserta setelah berjaya membersihkan pantai Pulau Carey.

pembersihan kawasan pesisiran pantai Pulau Carey, yang terletak tidak jauh dari Pelabuhan Klang. Mengambil peluang semasa air surut, para peserta meluangkan masa mengutip pelbagai jenis sampah yang dibanjarkan ombak dan aliran sungai, seperti tayar kenderaan, botol plastik, bekas dan

pembalut makanan, dan lain-lain. Menariknya, mereka turut mengasingkan sampah yang dikutip kepada tiga kategori, iaitu bahan plastik, bahan kaca, dan bahan bukan kitar semula.

"Tugasan mengutip dan mengasingkan sebegini diharapkan dapat memupuk

sikap kerjasama dan menjadi penyelesaian masalah ke dalam diri para peserta. Menjadi salah satu objektif program untuk mengasah bakat kepimpinan mereka sebagai pencinta alam sebaik sahaja mereka pulang ke negara masing-masing kelak," kata Dr. Fathiah lagi.

Stesen : Sinar Harian
Tarikh : 22 Januari 2019
Tajuk : Mahasiswa 9 negara bersihkan pantai Pulau Carey

Mahasiswa sembilan negara bersihkan pantai

USAHA. Seramai 72 orang mahasiswa daripada sembilan negara menyertai program antarabangsa tahunan *Asian Students Environmental Platform* membersihkan pantai Pulau Carey, Selangor baru-baru ini.

Menurut Pengerusi Kanan Jabatan

Kejuruteraan Kimia, Universiti Malaysia (UM) merangkap penyalas program, Dr. Fathiah Mohamed Zuki, program anjuran Yayasan Alam Sekitar AEON Jepun dengan kerjasama Pusat Komuniti dan Kelestarian Universiti Malaysia (UMCares) itu disertai oleh pelajar dari China,

Thailand, Jepun, Vietnam, Korea, Kemboja, Indonesia, Myanmar dan Malaysia.

"Selain membersihkan sekitar kawasan pantai, para peserta turut menyatukan masyarakat Orang Asli Mah Meri di Pulau Carey dan melakukan pelbagai aktiviti lain," katanya.



SEBAHAGIAN mahasiswa daripada sembilan negara merakam gambar kenangan ketika menyertai program *Asian Students Environmental Platform* di Pulau Carey, Selangor baru-baru ini.

Stesen : Sinar Harian
Tarikh : 24 Januari 2019
Tajuk : Mahasiswa 9 negara bersihkan pantai Pulau Carey

Kuala Lumpur: Bagi memberi pendedahan mengenai teknik pemulihan persekitaran alam semula jadi, Pusat Komuniti dan Kelestarian Universiti Malaysia (UMCares) menganjurkan bengkel ekoterapi untuk murid berkeperluan khas dari empat sekolah di Selangor.

Bertempat di Rimba Ilmu, Institut Sains Biologi (ISB), Universiti Malaysia (UM), program itu membabitkan Sekolah Kebangsaan (SK) Sultan Alam Shah 2, Sekolah Jenis Kebangsaan SJR (C) Chung Hwa Damansara, SK Taman Medan dan SK Damansara Jaya 1.

Program berkenaan turut mendapat sokongan daripada 73 orang ibu bapa murid/murid berkeperluan khas. Pensyarah Kanan Institut Kejuruteraan Pendidikan, Fakulti Pendidikan UM merangkap penyenjaras program, Dr Donnie Adams,

Ekoterapi murid berkeperluan khas

berkata bengkel 'One With Nature' itu bertujuan memberi pendedahan kepada ibu bapa yang mempunyai anak berkeperluan khas mengenai ekoterapi.

Bantu perkembangan

Katanya, ibu bapa yang hadir boleh mengetahui bagaimana mereka boleh memainkan peranan untuk membantu perkembangan anak-anak mereka sama ada dalam aspek emosi, tingkah laku, keyakinan, kemahiran psikomotor dan sosial.

"Beberapa aktiviti merangkumi pergerakan fizikal yang khusus telah disediakan termasuklah mengimbas beg kekacang, bola sepak serta penghasilan seni kolaj menggunakan daun yang gugur di

pekarangan Rimba Ilmu.

"Semua aktiviti ini direka khas untuk membantu membina kemahiran psikomotor murid berkeperluan khas, malah semua pergerakan dan aktiviti ini mudah untuk dipelajari dan diamalkan di rumah atau di taman rekreasi," katanya.

Ekoterapi adalah istilah umum yang meliputi apa juga teknik rawatan atau pemulihan membabitkan persekitaran alam semula jadi.

Rawatan iringan

Walaupun tidak digunakan sebagai kaedah rawatan utama, namun ekoterapi sudah mula disarankan oleh pengamal perubatan sebagai antara kaedah rawatan iringan yang bermanfaat.

Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Madya Dr Aznan Che Ahmad, berkata berdasarkan kajian dan pengamatan, ramai ibu bapa mempunyai anak berkeperluan khas kurang pendedahan mengenai kemahiran asas dalam teknik rawatan pemulihan yang boleh dilakukan bersama anak-anak mereka di rumah.

Beliau berkata, bengkel itu diharapkan dapat memindahkan kemahiran berkenaan kepada mereka melalui kaedah amali yang praktikal dan sesuai diadakan secara berkala dan konsisten.

Pendekatan menarik

Sementara itu, bapa kepada peserta, Adrian Yap, berkata pihaknya amat menghargai usaha yang dilakukan UM dalam mendekatkan diri dengan komuniti murid berkeperluan khas itu.

Katanya, menerusi bengkel berkenaan, ibu bapa mampu membantu anak-anak menjalani rawatan pemulihan dalam suasana yang lebih menarik dan berlatar belakang alam sekitar.

Pada program itu, sebuah buku susunan Dr Donnie dan Prof Madya Dr Aznan terbitan UM yang menerangkan dan menyenaraikan semua aktiviti yang dilaksanakan bertajuk *Erotherapy for Your Child with Special Needs* turut diberikan kepada ibu bapa yang hadir.



Peserta dari SK Tunan Medan ceria bersama-sama siji selepas tamat program.

Stesen : Berita Harian
Tarikh : 28 Januari 2019
Tajuk : Ekoterapi murid berkeperluan khas
Penyelidik : Dr. Donnie Adam

Stesen
Kosmo (sisipan GenK)

Tarikh
4 Februari 2019

Tajuk
Cara tarik minat murid dalam ilmu STEM

Penyelidik
Dr. Faridah

GENK
EKSPRESI GENERASI KOSMO!

Kosmo!

• ISNIN 4 FEBRUARI 2019

Kosmo.com

Impak Binaan Kacang Jeli

Program *Let's Go to Mummies' Lab* bertujuan untuk menambih minat murid sekolah dalam bidang sains dan matematik melalui aktiviti yang menarik.





PESERTA bergambar sebagai kenang-kenangan selepas membersihkan Pulau Carey.

PENCEMARAN alam sekitar terutama disebabkan oleh produk berasaskan plastik, dikuatirai sedang meningkat pada kadar yang amat membimbangkan. Plastik merupakan bahan yang amat sesuai dalam hampir kesemua proses pengeluaran barangan keperluan individu atas sifatnya yang tahan lama dan kos pengeluaran yang rendah. Itu menjadikan kadar penggunaannya sangat tinggi.

Stesen : Utusan Malaysia dan Utusan Malaysia online
 Tarikh : 21 Februari 2019
 Tajuk : Pelajar bersihkan Pulau Carey

Ekoterapi anak istimewa di Rimba Ilmu

Apa Berlaku

EKOTERAPI adalah istilah umum yang meliputi apa jua teknik rawatan atau pemulihan yang melibatkan persekitaran alam semula jadi. Walaupun tidak digunakan sebagai kaedah rawatan utama, namun ekoterapi sudah mula disarankan oleh pengamal perubatan sebagai antara kaedah rawatan iringan yang bermanfaat.

Sehubungan itu, sebuah bengkel ekoterapi melibatkan murid-murid sekolah berkeperluan khas dari sekolah sekitar Lembah Kelang telah diadakan di Rimba Ilmu, Institut Sains Biologi (ISB), Universiti Malaysia (UM), Program anjakan Pusat Komuniti dan Kelestarian UM (UMCares) itu turut melibatkan 73 ibu bapa.

Penyarah kanan Institut Kepimpinan Pendidikan, Falsafi Pendidikan UM merangkap penerbit program, Dr. Donnie Adams berkata, bengkel *Owe with Nature* itu bertujuan memberi pendedahan kepada ibu bapa yang mempunyai anak-anak berkeperluan khas mengenai pebagai teknik dan aktiviti ekoterapi dan bagaimana mereka boleh memanfaatkan



SEORANG murid berkeperluan khas melakukan aktiviti mengimangi beg kelucang.

peranan membantu perkembangan anak-anak dalam aspek emosi, tingkah laku, keyakinan, kemahiran pesukomotor dan sosial.

Mereka yang terlibat adalah murid kelas keperluan khas di Sekolah Kebangsaan (SK) Sultan Alam Shah (2), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Chung Hwa Damansara, SK Taman Medan dan SK Damansara Jaya (1).

Beberapa aktiviti merangkumi pergerakan fizikal seperti mengimangi beg kelucang, bola sepadan dan seni kaji menggunakan daun yang gugur telah diadakan.

Mengulas lanjut katanya, kesemua aktiviti itu direka khusus untuk membantu

membina kemahiran motor kasar dan halus murid terbahagi. "Kesemua pergerakan dan aktiviti ini tidak sukar untuk dipelajari dan diumalkan di rumah, malahan di taman rekreasi," katanya.

Rajani dan pengamatan pihaknya mendapati ramai ibu bapa yang mempunyai anak berkeperluan khas kurang pendedahan mengenai kemahiran asas dalam teknik rawatan pemulihan yang boleh dilakukan di rumah.

Sementara itu penyarah kanan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia (USM) yang merupakan penyelidik bernama program ini, Prof.



SEORANG ibu membantu anaknya menyiapkan aktiviti kolaj menggunakan daun yang gugur.

Madya Dr. Azman Che Ahmad berharap bengkel itu dapat memindahkan kemahiran tersebut kepada mereka melalui kaedah amali yang praktikal dan sensasi diadkan secara berkala dan konsisten.

Sekolah buka yang menyenangkan dan menerangkan semua aktiviti yang dilaksanakan bertajuk *Ecoterapy for Your Child with Special Needs* turut dibawakan kepada ibu bapa yang hadir.

Buku itu disusun oleh Dr. Donnie Adams dan Prof. Madya Dr. Azman Che Ahmad. Dalam pada itu seorang bapa, Adrian Yap mengahgapi apa yang dilakukan UM dalam mendekati komuniti murid

berkeperluan khas. "Saya yakin mampu membantu anak saya menjalan rawatan pemulihan dalam suasana menarik berlatar belakangkan alam sekitar yang nyaman," katanya.

Chong Sin Min yang merupakan seorang ibu kepada anak berkeperluan khas menyuarakan agar program ini dilakukan dengan lebih kerap pada masa akan datang.

"Selain berfokus kemahiran, program ini juga mampu memupuk keajaiberaan fizikal dan mental keluarga yang hadir kerana adanya sokongan daripada komuniti yang ingin membantu satu sama lain," katanya.

Stesen : Utusan Malaysia
Tarikh : 7 Mac 2019
Tajuk : Ekoterapi anak istimewa di Rimba Ilmu



UTAMA MUTAKHIR GLOBAL ARENA RAPIS/SELEBRITI BISNIS METROTV

BELAKA: EKSTRA NUANSA (1) (METRO) SANTA DEKUTAMAN HATI ADIN BENCANA SHIA EKSPRESI VISION GALLERY PHOTOGRAPH

Fazurawati Che Lah

fazurawati@hmetro.com.my

DALAM usaha membantu meningkatkan kualiti pendidikan kanak-kanak yang tinggal di pesisiran pantai, Institut Pendidikan Guru (IPG) Kota Bharu, Kelantan dan Pusat Komuniti Kelestarian Universiti Malaysia (UMCares) menganjurkan Seminar Penyelidikan dan Inovasi.

Program untuk kanak-kanak di pesisiran pantai khususnya di Kota Bharu itu menjadi medan perkongsian ilmu pengetahuan, kemahiran dan perbincangan ke arah menghasilkan inovasi pendidikan yang dapat melonjak pendidikan murid berkenaan.

Inisiatif berkenaan bagi mempersiapkan murid pesisiran pantai untuk mendepani cabaran era digital, Revolusi Industri 4.0 (IR4.0).

Ketua Jabatan Penyelidikan dan Inovasi, IPG Kampus Kota Bharu, Dr Raja Shaharudin Raja Mohamad berkata, program itu mampu meningkatkan prestasi akademik murid pesisiran pantai.

Bellau berkata, ia juga dapat membantu guru untuk berani berubah, membuat anjakan paradigma dan minda menerusi hasil penyelidikan yang dijalankan.



Stesen
Harian Metro

Tarikh
11 Mac 2019

Tajuk
Tingkat prestasi murid pesisir pantai



> SEL KL > UM dan UMW Toyota salurkan tenaga elektrik percuma ke kawasan pedalaman

UM dan UMW Toyota salurkan tenaga elektrik percuma ke kawasan pedalaman

CCO UM Rabu | 13 Mac 2019



SEKUMPULAN penyelidik Universiti Malaya (UM) yang diketuai Profesor Madya Dr. Jeyraj Selvaraj bermula pada bulan Mac melaksanakan projek membekalkan tenaga elektrik ke kawasan pedalaman terpilih yang tidak menerima bekalan tenaga elektrik.

Projek yang menggunakan aplikasi teknologi termal fotovoltaik (PV/T) ini disumbangkan oleh UMW Toyota Sdn. Bhd. melalui sumbangan dana berjumlah RM 181,319 hasil kutipan jualan tiket dan derma bagi konsert muzik klasikal Toyota Classics yang telah diadakan pada 13 November 2018.

Kumpulan penyelidik yang bernaung di bawah University of Malaya Power Energy Dedicated Advanced Centre (UMPEDAC) ini telah menemui kaedah lebih efektif dalam melaksanakan projek janaan kuasa solar yang mana bahan kaca fleksibel dan bahan EVA dengan kecekapan lebih baik digunakan.

Ini menjadikan projek termal fotovoltaik ini memiliki kemampuan yang lebih baik berbanding termal fotovoltaik konvensional.

Selain daripada akses kepada tenaga elektrik, penduduk juga dapat menggunakan air panas tanpa sebarang kos tambahan hasil daripada projek ini.

Stesen : Sinar Harian- Kampus UOLS

Tarikh : 13 Mac 2019

Tajuk : UM dan UMW Toyota salurkan tenaga elektrik percuma ke kawasan pedalaman

Toyota classics helps varsity student projects

THE 2018 Toyota Classics performance presented by UMW Toyota Motor raised RM363,000 for student projects at Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) and Universiti Malaysia (UM).

The concert, held at Dewan Fiharmik Petronas in Kuala Lumpur on Nov 13, was in line with UMW's tradition of bringing world-class musicians to Malaysia.

Monies collected will fund a socio-economic programme involving the Orang Asli by UKM students and research on renewable energy efficiency by UM students.

UKM students are helping the Orang Asli in Kampung Kachau Luar (KKL) to set up a socio-economic programme under the university's "Mobilising Youth for Sustainable Change" initiative.

They will start developing the Eco-village Resort Project in the second half of this year using the MCM GreenMan "Off Grid" Modular Building System. The technology causes less impact to jungles near the community due to its minimum requirement for infrastructure.

The houses will be built by the Orang Asli youth, UKM staff, students and volunteers.

Upon completion, the management of the resort will be carried out by the KKL Orang Asli with UKM, its partners, students and volunteers.

After a certain period, UKM will hand over the management to the KKL Orang Asli to help them become resilient and build them rapport with the community.

Another portion of the gross proceeds will fund UM's Power Energy Dedicated Advanced Centre for a research on renewable energy through the innovation of its solar photovoltaic/thermal (PV/T) cooling system.

The results will assist the development of future PV/T system with high efficiency and at low cost.

This research will benefit people in rural and remote areas, especially in Sabah and Sarawak, so they can have access to a constant supply of electricity.

Initiated as a unique way to raise funds for the underprivileged, the Toyota Classics has evolved into a much-awaited annual event for the musically discerning, who are delighted to know that their contributions will make a difference to society.

The concert featured the Orchestra of The Age of Enlightenment, under the baton of conductor Steven Devine.

The orchestra is a period-instrument orchestra named after the age in European history known as The Enlightenment, an era spanning the late 17th, 18th and early 19th centuries.



Universiti Kebangsaan Malaysia students are helping the Orang Asli in Kampung Kachau Luar, Senengih, Selangor, to develop an eco-village resort.

It was one of the world's leading period for instrument orchestras, which aimed to recreate the vitality of the original performance.

UMW Toyota Motor deputy chairman Akio Takeyama said the company appreciated the strong support of the Malaysian public, music lovers and UMW Toyota Motor's business associates, which reflected the generosity of private companies and individual Malaysians to projects that benefit the community.

UMW Toyota Motor president Ravindran K. said since its inception, Toyota Classics had raised more than RM8.6 million for 47 organisations.

"We are glad to see how the contributions by our donors have made a difference to the lives of the people in the organisations we have supported," he said.

"We would like to thank all our contributors who donated to the Toyota Classics concert last year, and hope that the recipients will materialise their projects and provide benefits to communities they aim to help," he added.

Toyota Classics is one of UMW Toyota Motor's main pillars of corporate social responsibility.

Over the past two decades, Toyota Classics has developed a life of its own, with performances by different orchestras and beneficiaries.

Yet, the philosophy behind the programme remains the same, which is to allow Malaysians to enjoy a night of music and, at the same time, donate to charity.



(From left) Universiti Malaysia (UM) Power Energy Dedicated Advanced Centre director Professor Dr Nasrudin Abd Rahim, UM Deputy Vice-Chancellor (research and innovation) Professor Noorsaadah Abd Rahman, UMW Toyota Motor deputy chairman Akio Takeyama and UMW Toyota Motor president Ravindran K.

Stesen : New Straits Times
Tarikh : 18 Mac 2019
Tajuk : Toyota Classics Helps Varsity Student Projects

UMPEDAC TERIMA SUMBANGAN APLIKASI PV/T



Sekumpulan penyelidik University of Malaysia Power Energy Dedicated Advanced Centre (UMPEDAC) menemui kaedah lebih efektif untuk membekalkan tenaga elektrik ke kawasan pedalaman. Penyelidik yang diketuai Prof Madya Dr Jeyraj Selvaraj itu menggunakan aplikasi teknologi fotovoltaik termal (PV/T) dan sudah memulakan projek berkenaan awal Mac lalu.

Aplikasi PV/T itu disumbangkan UMW Toyota Sdn Bhd melalui dana berjumlah RM181,319 hasil kutipan jualan tiket dan derma bagi konsert muzik klasik Toyota Classics yang diadakan November lalu.

Dr Jeyraj berkata, penyelidik menemui kaedah lebih efektif dalam melaksanakan projek janaan kuasa solar apabila bahan kaca fleksibel dan bahan EVA mempunyai kecekapan yang baik apabila digunakan.

"Ini menjadikan projek fotovoltaik termal memiliki kemampuan yang lebih baik berbanding fotovoltaik termal konvensional.

Selain daripada akses kepada tenaga elektrik, penduduk juga dapat menggunakan air panas tanpa sebarang kos tambahan hasil daripada projek ini.

Tanpa sumbangan dana yang mencukupi, projek berimpak tinggi kepada masyarakat sebegini sukar dilaksanakan," katanya.

Dana itu diserahkan Timbalan Pengerusi UMW Toyota, Akio Takeyama (dua dari kanan) kepada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UM, Profesor Dr Noorsaadah Abd Rahman dalam satu majlis baru-baru ini.

Projek UM dengan sokongan UMW Toyota ini diyakini dapat meningkatkan kualiti hidup penduduk di kawasan pedalaman, menjimatkan kos pembayaran elektrik dan pada masa sama sumber tenaga yang digunakan tidak mencemarakan alam sekitar.

Stesen : Harian Metro
Tarikh : 18 Mac 2019
Tajuk : UMPEDAC terima Sumbangan Aplikasi PV/T



2 POWER SUPPLY FOR REMOTE AREAS

UMW Toyota Motor Sdn Bhd deputy chairman Akio Takeyama (third from left) handing over a mock cheque for RM181,319 raised at the Toyota Classics concert, to Universiti Malaya (UM) (Research and Innovation) deputy vice-chancellor Prof Dr Noorsaadah Abdul Rahman, in the presence of UMW Toyota Motor president K. Ravindran (right) and UM Power Energy Dedicated Advanced Centre's deputy vice-chancellor (Research and Innovation) Prof Dr Nasrudin Abd Rahim (left) at UM's art gallery in Petaling Jaya. A research team from UM led by Assoc Prof Dr Jeyraj Selvaraj is implementing a project to supply electricity to selected remote areas.

Stesen : The Star

Tarikh : 3 April 2019

Tajuk : 2 Power Supply for Remote Areas

Pada 5 April 2019, UMCares telah menerima kunjungan rasmi dari Pusat Pengajian Kerajaan- Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa Universiti Utara Malaysia (UUM). Seramai 6 orang penyelidik dan staf UUM melawat Pejabat UMCares yang merupakan satu-satunya pejabat di UM dengan konsep lestari atau “green office”. Mereka juga diberi pendedahan berkenaan inisiatif eko-kampus yang dilaksanakan di dalam kampus UM.







Oleh: Dr. Nasrul Anuar Abd Razak

Siapakah yang digelar Komuniti Sasaran?

Halatuju negara Malaysia sekarang lebih tertumpu kepada penyelidikan berimpak tinggi yang disalurkan kepada masyarakat. Seajar dengan itu, pelbagai geran penyelidikan kini lebih tertumpu kepada revolusi bagaimana penyelidik di Institusi menyalurkannya kembali kepada masyarakat. Universiti Malaya khususnya merupakan antara universiti yang berjaya menghasilkan penyelidikan berimpak tinggi yang membolehkan mereka dinobatkan sebagai Universiti terbaik di tangga 70 dunia buat masa ini. Hasil penyelidikan terdahulu, kini merupakan waktu paling sesuai untuk dikembalikan kepada masyarakat melalui pelbagai program inisiatif UM seperti STEM, MRUN, Kelab Sahabat, Jalinan Masyarakat dan lain-lain lagi seajar menyahut revolusi dunia ke arah Revolusi Industri (IR.4.0).

“Komuniti sasaran saya adalah tertumpu kepada bagaimana kami, warga penyelidik UM, dengan pelbagai bidang dan kepakaran menentengahkan teknologi terkini kepada warga penduduk di Sabah melalui geran rakan Universiti MRUN” - Prof. Madya Dr. Nahrizul Adib Kadri (Fakulti Kejuruteraan)

“Projek komuniti UM membolehkan kami warga OKU, berinteraksi secara langsung dengan pihak penyelidik. Informasi yang kami dapat daripada mereka membantu kami dalam menggunakan alat bantuan kami dengan lebih lancar” - En Hairuman Miskon (OKU, alumni Pusat Latihan Perindustrian & Pemulihan Bangi)

“Melalui penglibatan secara langsung dengan komuniti, saya lebih faham akan situasi sebenar mereka dalam menjalankan kajian tentang keperluan dan teknologi terkini yang diperlukan mereka kerana bidang kajian saya tertumpu kepada penyelesaian pengguna apabila memakai alat bantuan dan sokongan tubuh”

Antara Tips yang boleh dikongsikan dalam pemilihan komuniti sasaran adalah:

1) Komuniti yang Menggunakan, bukan Komuniti yang Digunakan

Komuniti sasaran yang perlu diketengahkan adalah komuniti yang menggunakan pengetahuan, teknologi, informasi, mahupun polisi yang diperoleh daripada penyelidikan. Komuniti sasaran bukanlah merupakan komuniti yang digunakan oleh penyelidik untuk mendapatkan hasil kajian. Sebagai contoh mudah, untuk menguruskan sebidang tanah, Penyelidik perlu menentengahkan hasil kajian seperti cara berkomunikasi dengan pihak terlibat, cara menggunakan teknologi terkini, nutrisi tanah, peratusan air, baja, postur tubuh ketika bertani, ketetapan waktu untuk bertani, polisi, makanan tambahan untuk bertani kepada komuniti sasaran dengan konteks mereka sebagai pengguna. Hasil kajian penyelidik boleh disifatkan sebagai fasa kedua, iaitu dengan mendapatkan hasil keluaran serta hasil kepuasan daripada komuniti yang menggunakan. Kesimpulannya, maklumbalas daripada komuniti menjadi ukuran yang paling utama.

2) Komuniti yang Bertindakbalas, bukan Komuniti yang Mengharap balas

Dalam pemilihan komuniti sasaran, adalah sangat penting menitik beratkan komuniti yang mampu bertindakbalas dan memberikan kerjasama yang baik sepanjang tempoh aktiviti dijalankan. Maklumbalas komuniti sebagai pengguna secara langsung adalah diperlukan untuk memberi justifikasi bahawa kajian yang dijalankan boleh diserapkan atau diaplikasikan untuk membantu masyarakat Malaysia masa kini. Apa yang diharapkan daripada golongan komuniti sasaran adalah supaya mereka memberi input sebarang perubahan atau penambahbaikan kepada penyelidik. Komuniti sasaran juga haruslah tidak bersikap mengharap balas, sebaliknya lebih berminat dan cenderung untuk bekerjasama.

3) Komuniti yang Lestari, Bukan Komuniti yang Menanti

Dalam konteks kelestarian, komuniti sasaran harus bijak menggunakan penyelidikan yang diketengahkan selepas selesai sesuatu projek atau program, tanpa bimbingan penyelidik. Komuniti tidak harus bersikap menanti, sebaliknya mereka lebih cenderung untuk menggunakan penyelidikan ke arah yang lebih baik. Contoh yang boleh dikongsikan seperti perihal di atas, para petani mampu menggunakan segala informasi dan teknologi dengan sendiri, mampu bertutur dengan baik dalam menjalankan perniagaan dan bijak mencari peluang lain apabila mengetahui pelbagai polisi dan sektor yang diketengahkan kepada mereka. Impak paling utama adalah apabila komuniti yang menerima bimbingan penyelidik berupaya untuk mengaplikasikan pengetahuan dan manfaat yang diterima kepada komuniti lain.

Tiga konteks di atas perlulah diutamakan apabila penyelidikan bersama komuniti menjadi pilihan anda. Pastikan sasaran komuniti menggunakan, bertindak balas dan lestari. Adakalanya penyelidik tidak perlu pergi jauh dan bersusah sehingga meredah hutan atau mendaki gunung untuk mencari komuniti sasaran. Kadangkala ianya ada di hadapan anda.



Dr. Nasrul Anuar Abd Razak merupakan penerima geran nasional UCTC bagi projek beliau bertajuk “Be Able Venturing beyond Disabilities”. Melalui projek ini, beliau telah berjaya mengembangkan penyelidikan beliau kepada komuniti lain dengan menerapkan bidang-bidang lain yang berkaitan. Dr Nasrul merupakan penerima Anugerah Khas Geran UMCares pada tahun 2018 untuk Projek UCTC.





Gambar-gambar kandid aktiviti di bawah kelolaan UMCares.

UMCares -
Pusat Komuniti & Kelestarian
Tingkat 6, Kompleks Pengurusan
Penyelidikan & Inovasi,
Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur
www.umcares.um.edu.my

ISSN 2636-9648



Kekerapan buletin dua (2) kali setahun.

Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat jua pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit terlebih dahulu.